



MAKLUMAT PROGRAM

1. *Putrajaya Lake and Wetland Explorace 2022* (PLWE) Edisi ke 8 akan dilaksanakan pada 17 Disember 2022. Lokasi pelepasan dan penamat adalah di Padang Semarak, Taman Wetland, Presint 13, Putrajaya.
2. *PLWE* merupakan pertandingan berbentuk ekspedisi berkumpulan yang dianggotai oleh 2 orang (2 orang bagi setiap pasukan). Peserta akan mengharungi pengembaraan melebihi 10 km serta perlu menyiapkan 10 tugas teknikal dan taktikal.
3. *PLWE* menguji minda dan ketahanan fizikal peserta dari awal pertandingan sehinggalah ke tapak penamat. Terdapat juga cabaran aktiviti air dan juga cabaran *fear factor* yang perlu diharungi bersama rakan sepasukan.
4. Makanan yang disediakan oleh Penganjur:
 - ✓ *Light refreshment (pack food)* di tapak permulaan
 - ✓ Roti/pisang (bekalan semasa pertandingan)
 - ✓ 2 stesen air disediakan secara *free-flow (water dispenser)*. Peserta hendaklah membawa sendiri botol air.
 - ✓ *Pack food* (di tapak penamat)

Nota

Peserta digalakkan membawa sendiri makanan tambahan (jika perlu)

5. Semua peserta mendapat perlindungan insurans kelompok.

TARIKH PENTING

TARIKH / HARI	MASA	AKTIVITI	LOKASI
16 DISEMBER 2022 (JUMAAT)	4.00 ptg	✓ Taklimat pertandingan ✓ Pengambilan Race Kit LOKASI: Panggung Mawar Sari, Perbadanan Putrajaya	
17 DISEMBER 2022 (SABTU)	RACE DAY		
	7.00 pg	Pengesahan pendaftaran peserta	
	7.40 pg	Taklimat akhir pertandingan	
	8.00 pg	Flag off	
	5.00 ptg	Majlis Penyampaian Hadiah	

HADIAH

Wang Tunai

Pertama	: RM 3,000.00
Kedua	: RM 2,000.00
Ketiga	: RM 1,000.00
Tempat ke 4 hingga 20	: RM 200.00
Pasukan Terbaik (Lelaki)	: RM 300.00
Pasukan Terbaik (Wanita)	: RM 300.00
Pasukan Terbaik (Campuran)	: RM 300.00

Medal

Medal '100 Finisher' untuk 100 pasukan terawal

Pengiktirafan Pemenang serta Insentif Galakan

Pemenang Tempat Pertama akan dianugerahkan gelaran Lake Warrior 2022 (Kategori IPT dan Terbuka). Pemenang tempat Pertama, Kedua dan Ketiga juga akan dibenarkan bertanding pada tahun hadapan secara percuma.

Lain-lain

E-Sijil Penyertaan, Sijil Pemenang dan Cabutan Bertuah juga disediakan.

Nota

Wang tunai, medal dan pengiktirafan pemenang serta insentif galakan disediakan mengikut kategori.

SYARAT PENYERTAAN

1. Penyertaan dibahagikan kepada 2 kategori, iaitu:

✓ Kategori Pelajar IPT

Penyertaan kategori IPT adalah terbuka kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta/ Politeknik / Institut Pendidikan Guru / Institut Kemahiran Belia Negara dan kolej-kolej yang setaraf. Peserta hendaklah berumur antara 18 hingga 25 tahun pada tahun 2022. Tiada halangan bagi pasangan peserta dari institusi yang berlainan.

✓ Kategori Terbuka

Terbuka kepada semua berumur 18 tahun ke atas.

2. Setiap pasukan diwajibkan mendaftar seramai dua (2) orang peserta sahaja.
3. Pertukaran peserta setelah program bermula adalah tidak dibenarkan.
4. Setiap pasukan **WAJIB** melalui **SEMUA CHECKPOINT** dengan menyelesaikan semua tugas yang diberikan.

5. Sepanjang program ini berlangsung, semua peserta perlu menjaga keselamatan diri dan bertanggungjawab ke atas barang dan harta benda yang dibawa. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perkara yang tidak diingini sepanjang program ini berlangsung.
6. Dengan mengambil bahagian dalam program ini, para peserta membenarkan gambar mereka digunakan bagi tujuan berita, arkib, publisiti atau promosi oleh Penganjur.
7. Penganjur berhak tanpa memberi sebab untuk:
 - i) Membatal atau menunda acara seperti yang dirasa perlu;
 - ii) Menolak penyertaan sebelum atau selepas menerima sesuatu penyertaan;
 - iii) Menolak penyertaan mana-mana peserta dari sesebuah kumpulan; dan
 - iv) Membatalkan mana-mana kumpulan yang didapati bersalah melanggar syarat-syarat penyertaan acara atau memberikan butir-butir yang tidak tepat.
8. Penganjur berhak meminda syarat-syarat penyertaan ini, dan apa jua pindaan atas sebab-sebab teknikal/pengurusan.
9. Semua jawapan, hasil kerja atau bahan yang diserahkan oleh setiap pasukan akan menjadi milik Penganjur. Sebarang tuntutan balik adalah tertakluk kepada budi bicara Penganjur.
10. Kos penginapan dan pengangkutan ke tapak Program adalah tanggungjawab peserta sendiri.
11. Keputusan Penganjur dalam Program ini adalah **MUKTAMAD** dan peserta adalah tertakluk kepadanya.

PANDUAN PENDAFTARAN

1. Kenalpasti kategori penyertaan anda:
 - Kategori IPT
ATAU
 - Kategori Terbuka
2. Membuat bayaran. Yuran penyertaan seperti berikut:

Kategori IPT	RM100/pasukan
Kategori TERBUKA	RM150/pasukan

Pembayaran boleh dibuat secara **TUNAI** atau melalui '**ONLINE BANKING**' seperti berikut:

A) TUNAI

Wang Tunai hendaklah dikemukakan secara serahan tangan di Kaunter Bayaran Pusat Khidmat Pelanggan Perbadanan Putrajaya (bersebelahan Maybank Presint 3, Putrajaya). Semua urusan bayaran tunai hendaklah dibuat dalam waktu pejabat sahaja.

Isnin-Khamis : 8.30 pagi - 4.30 petang

Jumaat : 8.30 pagi – 12.00 tengahari dan 3.00 petang – 4.30 petang

B) ONLINE BANKING
Maybank

- Pay & Transfer >> **Pay >> New Payment >> pilih 'Perbadanan Putrajaya-Lain-lain bayaran'**
- Event* masukkan **'PLWENama Kumpulan (maksimum 25 aksara)' – TANPA JARAK**
- Contact No* masukkan **no telefon**

CIMB

- Pay Bills >> enter biller name >> pilih **'Perbadanan Putrajaya-Lain-lain bayaran'**
- No IC* masukkan **no kad pengenalan**
- Contact no* masukkan **no telefon**
- Event* masukkan **'PLWENama Kumpulan (maksimum 15 aksara)' – TANPA JARAK**

3. Mengisi lengkap BORANG PENYERTAAN mengikut kategori. Jangan lupa **muatnaik Resit / Slip Bayaran / Pesanan Perolehan.**

Borang Pendaftaran Kategori IPT	https://forms.gle/Y1bMcMr5MCqBU61BA
Borang Pendaftaran Kategori TERBUKA	https://forms.gle/naH8wbaAWZnekm9f6

TAA DAAAA... SELESAI PENDAFTARAN.... TAHNIAH! ANDA MUNGKIN LAKE WARRIOR YANG KAMI CARI! KITA JUMPA DI PODIUM PUTRAJAYA LAKE & WETLAND EXPLORACE 2022 EDISI KE 8

**Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi urusetia di talian
019 6556413 (Nik), 012-2609238 (Yahzam), 03-8887 7281 (Ayu)**